

31 MAY 2004

MAF-Anugerah

MAF BUKA PENCALONAN UNTUK ANUGERAH DR SITI HASMAH

KUALA LUMPUR, 31 Mei (Bernama) -- Yayasan AIDS Malaysia (MAF) hari ini meminta orang ramai mengemukakan pencalonan untuk Anugerah Dr Siti Hasmah (DSHA) 2004, anugerah yang memperakui perkhidmatan organisasi dan individu terhadap pencegahan HIV/AIDS.

Pengerusi MAF Datin Paduka Marina Mahathir berkata anugerah itu yang dinamakan sempena Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, juga memperakui peranan mereka terhadap perlindungan harga diri mereka yang dijangkiti dan terjejas akibat HIV/AIDS.

Anugerah yang diwujudkan pada 1996 dan diadakan dua tahun sekali oleh MAF merupakan ruang bermakna bagi meraikan serta menggalakkan lebih banyak organisasi dan individu supaya lebih proaktif, kreatif dan komited dalam memerangi HIV/AIDS di negara ini, katanya pada sidang media di sini.

Beliau berkata orang ramai boleh mencalonkan organisasi atau individu yang telah menyumbang secara luar biasa terhadap usaha pencegahan HIV/AIDS di Malaysia sepanjang tempoh 1 Mei, 2002 hingga 30 April, 2004.

Pencalonan hendaklah dikemukakan kepada MAF sebelum 30 Jun, katanya.

Beliau berkata skop kerja orang yang dicalonkan mesti bertumpu kepada satu atau lebih bidang: pencegahan, pendidikan, sokongan dan hak asasi pesakit HIV/AIDS dan memperpakui dan menangani kumpulan yang mudah terdedah seperti kanak-kanak, belia dan wanita serta masyarakat yang terpinggir yang berkaitan dengan HIV/AIDS.

Selain itu, dua anugerah khas turut disediakan iaitu Pendidikan Pencegahan dan Penjagaan dan Sokongan.

"Pemenang DSHA akan menerima trofi, wang tunai RM10,000 untuk organisasi atau RM5,000 untuk individu dan sijil kecemerlangan," katanya.

Beliau berkata pemenang anugerah khas pula akan menerima trofi, wang tunai RM2,500 dan sijil yang ditaja bersama oleh MAF dan Tha Carat Club.

DSHA 2004 akan disampaikan oleh Dr Siti Hasmah pada 18 Sept ini.

-- BERNAMA

PJR LYP JM LAT